

Neon Night Run Hayati Keindahan Alam



Kuantan, 14 April - Hampir 2000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai UMP Neon Night Run sempena penganjuran *International Festival Innovation On Green Technology 2016 (i-Finog)* anjuran Kelab Ecotech dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA).

Dengan bertemakan neon dan pakaian bercahaya pelajar turut memakai renda kasut bercahaya, glow stick dan UV cat yang menambah keceriaan dalam suasana hening malam bagi menjayakan acara larian yang bermula jam 9.00 malam di hadapan laluan Blok Z, UMP Gambang mengelilingi kampus sejauh 5 km.

Program dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut dihadiri pengerusi program Ifinog, Abdul Shukur Abd. Razak dan Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramli Abid dan Abdul Rahman Ahmad dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.



“Program bertujuan memupuk dan menggalakkan pelajar program yang berunsurkan sukan dan sihat. Dalam keadaan cuaca yang agak panas pada siang hari tidak menghalang aktiviti beriadah yang dapat dijalankan pada waktu malam,” kata Profesor Dato Dr. Rosli dalam ucapan perasmian.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu lelaki dan perempuan. Pemenang tempat pertama bagi kategori lelaki dimenangi Khaw Chee Sean dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi Shian Hoong dan pelajar antarabangsa Mohamad Salem.

Sementara itu pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Norsyakila Abdul Wahab menang tempat pertama kategori perempuan manakala tempat kedua milik Attila Salem dan ketiga Rosmadiana Roslan. Pemenang membawa pulang medal dan sijil penyertaan.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat, Foto oleh Khairu Aidilnisha Rizan Bin Jalil

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 15-04-2016, 16:12:08